

## **Hj. Abdullah Fahim: Tokoh Agama Dari Pulau Pinang.**

Oleh

Dr. Fadhlullah Jamil.

### **Pendahuluan:**

Pada asalnya Pulau Pinang merupakan sebahagian daripada wilayah Kesultanan Kedah. Tetapi, melalui penjajahan British yang bermula dengan pentadbiran Sir Francis Light, seorang pegawai syarikat perdagangan Kompeni Hindia Timur (*East India Company*), ia bertukar secara beransur-ansur menjadi sebuah negeri yang mempunyai masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Pada zaman British, aktiviti utama yang merangsangkan pertumbuhan pesat di negeri ini ialah perdagangan dengan negeri-negeri Melayu yang lain dan juga kepulauan Indonesia. Sementara itu, jaringan perdagangan yang terdapat di negeri ini terus berkembang hingga ke Eropah, Asia Barat dan Asia Timur.

Dari segi geografinya, Pulau Pinang yang kita maksudkan di sini meliputi daerah pulau dan kawasan Seberang Perai yang terletak di tanah besar semenanjung berjiran dengan negeri Kedah. Kini, majoriti daripada penduduk negeri ini terdiri daripada orang bukan Melayu, khususnya kaum Cina yang terlibat dalam bidang perniagaan dan pertanian. Namun, pengaruh Islam masih juga dapat dilihat di sana-sini dengan terdapatnya bangunan-bangunan ibadat seperti masjid-masjid dan surau-surau, sekolah-sekolah agama yang dikuasai pihak kerajaan mahupun sekolah agama rakyat, institusi perbankan Islam, perkhidmatan takaful, Pejabat Mufti, Jabatan Agama Islam Negeri dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, segala institusi dan perkhidmatan yang bercorak Islam itu tidaklah wujud secara kebetulan. Semuanya merupakan perkembangan daripada asas-asas Islam yang telah dibentuk oleh para ulama' sejak zaman lampau. Sebenarnya, pengaruh Islam telah mula bertapak di pulau ini dengan terbentuknya penempatan Islam di Batu Uban di bawah pimpinan Nakhoda Intan atau Hj. Muhammad Salleh, seorang ulama' dari Minangkabau, Sumatera Barat.<sup>1</sup> Berikutnya, perkembangaan Islam telah berlaku dengan lebih pesat pada abad ke-19 melalui kegiatan yang diusahakan oleh beberapa orang tokoh ulama' di sekitar bandar Georgetown (panggilan tempatannya Tanjung). Antara tokoh yang masyhur ketika itu ialah Syaikh Umar Basheer dan anaknya Syaikh Zakaria Basheer yang berasal daripada keturunan Arab Hadramaut.<sup>2</sup> Mereka bukan sahaja terlibat dengan kegiatan pendidikan Islam secara tidak formal, tetapi juga cergas mengendalikan perniagaan masing-masing.

Dalam pada itu, pada awal dekad abad ke-20 telah berlaku suatu perubahan besar dalam masyarakat Melayu di Malaya, khususnya di Negeri-Negeri Selat. Segolongan pemikir Islam yang kemudiannya dikenali sebagai Kaum Muda telah muncul dengan mesej untuk mengislahkan masyarakat Melayu yang tinggal mundur di tengah-tengah kemajuan material dalam masyarakat majmuk yang dibentuk oleh pihak penjajah Inggeris. Seruan yang pertama telah berlaku dengan terbitnya majalah *al-Imam* pada tahun 1906 di Singapura.<sup>3</sup> Seterusnya, kebangkitan ini merebak ke Melaka dan Pulau Pinang. Sejajar dengan itu, lahirlah usaha untuk memajukan masyarakat Melayu dengan tumpuan utamanya melalui bidang pendidikan. Sejak itulah, munculnya institusi pendidikan Islam yang dinamakan madrasah mengikut model yang terdapat di Mesir melalui pengaruh dua orang tokoh islah, iaitu Syaikh Muhammad 'Abduh dan muridnya

Sayyid Muhammad Rasyid Rida.<sup>4</sup> Pada tahap ini sayugialah diketahui bahawa pendidikan Islam moden yang berkembang di madrasah-madrasah itu telah lahir sebagai suatu alternatif bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat di sekolah-sekolah pondok dan juga untuk menghadapi cabaran-cabaran yang dibawa oleh sistem pendidikan sekular yang ditawarkan oleh kerajaan Inggeris serta sekolah-sekolah misi (Kristian) yang beroperasi di Malaya.

Semasa perkembangan ini sedang berlaku, tercetuslah juga kegiatan untuk membaiki kedudukan orang Melayu di kalangan ulama' tradisional yang bergerak di bidang pendidikan pondok. Sebenarnya, pendidikan pondok telah mula berkembang di Malaya (dulunya Tanah Melayu) pada abad ke-19. Di Pulau Pinang sendiri, pendidikan pondok hanya terdapat di daerah Seberang Perai. Ia berkembang pada awal dekad abad ke-20 dan hanya bergerak cergas sehingga pertengahan tahun 1960-an. Selepas itu, akibat daripada saingan hebat yang datang daripada sistem pendidikan moden dengan segala kemajuan dan kemudahan yang dimilikinya menyebabkan pengaruh pendidikan tradisional yang banyak bergantung kepada karisma seseorang tok guru itu semakin merosot. Lagipun, pendidikan moden yang ditaja oleh kerajaan itu membuka ruang yang lebih baik terhadap peluang-peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi yang menjanjikan kehidupan yang maju. Walau bagaimanapun, dalam konteks untuk membangunkan masyarakat Melayu itulah, maka telah muncul beberapa orang tokoh pendidikan tradisional yang masyhur lagi berjasa. Antara mereka ialah Tuan Husain Kedah, Hj. Muhammad Salleh Masri, Hj. Abdullah Fahim, Syaikh 'Uthman Jalaluddin dan sebagainya. Namun begitu, dalam perbincangan yang selanjutnya, kita akan menumpukan perhatian khususnya kepada sumbangan Hj. Abdullah Fahim.

Sayugialah diketahui bahawa hingga kini tidak banyak kajian yang telah dibuat mengenai Hj. Abdullah Fahim sebagai seorang tokoh dan sumbangannya terhadap kemajuan Islam di Pulau Pinang. Daripada kajian yang wujud kini, umumnya tidak ilmiah. Misalnya, karya Mokhtar Petah, *Sheikh Abdullah Fahim: Penentu Tarikh Kemerdekaan Negara 31 Ogos, '57*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1997, meskipun membekalkan kita dengan maklumat-maklumat yang penting dalam hal-hal tertentu seperti nama-nama anak murid Hj. Abdullah Fahim dan peristiwa pengusiran Hj. Abdullah dan Syaikh Tahir Jalaluddin dari Perak oleh sultan ketika itu, namun sebahagian besar daripada kandungan buku ini bukan sahaja tidak ilmiah, malah menceritakan tentang hal-hal yang tidak relevan dengan tajuk buku. Bahagian yang berjudul “Ucapan Terakhir”, lebih tertumpu kepada ucapan Dato’ Onn bin Jaafar ketika beliau meletakkan jawatan dan terus keluar meninggalkan UMNO, manakala bahagian berikutnya bertajuk “Raja Papa” menyentuh tentang Tunku Abdul Rahman yang mengambil alih kepimpinan UMNO daripada Dato’ Onn.<sup>5</sup> Sementara karya Tajudin Saman yang berajuk *Tokoh-Tokoh Ulama’ Nusantara*, adalah terlalu ringkas dan umum.<sup>6</sup> Masalah juga timbul kerana sejauh ini tidak banyak bahan yang dapat dikesan oleh penulis sendiri mengenai tokoh ini. Mujurlah, penulis sendiri pernah membuat sedikit kajian tentang tokoh ini melalui projek Sejarah Islam di Pulau Pinang pada tahun 1996. Maklumat yang terkumpul itu telah dapat diperkemaskan lagi. Justeru itu, dalam kajian ini, penulis lebih menumpukan perhatian terhadap kegiatan dan sumbangannya dalam soal politik dan peranannya sebagai Mufti Pulau Pinang serta pandangannya mengenai beberapa isu yang berkaitan dengan agama.

## **Latar Belakang Keluarga dan Pendidikan:**

Tuan Hj. Abdullah Fahim merupakan seorang tokoh pendidikan dan pendakwah yang gigih dan semasa hidupnya pernah menabur jasa yang besar terhadap kemajuan masyarakat Islam di Pulau Pinang mahupun Malaya amnya. Menurut satu pendapat yang lebih masyhur, Hj. Abdullah Fahim telah dilahirkan di kota suci Makkah al-Mukarramah, yakni di Kampung Sha‘ab ‘Ali pada tahun 1870.<sup>7</sup> Manakala, pendapat yang kedua menyatakan bahawa beliau dilahirkan di Kampung Kubur Panjang, daerah Padang Terap, Kedah pada 1869 dan semasa kanak-kanak beliau telah dibawa oleh bapanya ke Makkah.<sup>8</sup> Apa juar halnya, beliau telah membesar dan terus mendapat pendidikan di Makkah.

Hj. Abdullah lebih dikenali oleh masyarakat tempatan sebagai Hj. Abdullah Fahim, iaitu ambilan daripada nama ringkas bapanya Pak Him (menurut panggilan penduduk Pulau Pinang). Kebetulannya, menurut Allahyarham Datuk Muhammad b. Hashim (bekas Mufti Pulau Pinang) sebutan Fahim itu pula bersesuaian dengan namanya yang bererti “yang alim atau faham semua ilmu”.<sup>9</sup> Lantaran itu, panggilan yang demikian terus kekal baginya sehingga kini.

Ayahnya Hj. Ibrahim b. Tahir adalah seorang guru agama yang mengajar al-Qur'an di Majid al-Haram.<sup>10</sup> Ketika itu, Hj. Ibrahim mempunyai ramai anak murid bukan sahaja dari Malaya, bahkan dari negeri-negeri di Kepulauan Melayu. Sebenarnya, apa yang dilakukan oleh Hj. Ibrahim itu bukanlah suatu perkara yang baru. Sejak dulu lagi para penduduk Nusantara telah pun berkampung di Makkah bagi mengajar ilmu-ilmu agama mahupun belajar di sana.<sup>11</sup> Secara keseluruhannya, mereka ini dikenali di Tanah

Arab sebagai masyarakat Jawah atau Jawi.<sup>12</sup> Daripada tradisi inilah munculnya para ulama' yang mengasaskan sistem pengajian pondok atau pesantren di Indonesia, Malaysia dan seluruh Nusantara.

Hj. Abdullah telah dibesarkan dalam tradisi ilmu di bawah asuhan ayahnya sendiri. Lantaran itu, tidak hairanlah dalam jiwanya tertanam minat untuk berusaha bagi mempelbagaikan ilmu agama dan mendalami al-Qur'an sejak kecil lagi. Berkat kepintaran dan ketekunannya, beliau telah berjaya mendalami pelbagai bidang ilmu agama, selain daripada ilmu falak dan kesusasteraan Arab.<sup>13</sup> Menurut keterangan Datuk Hj. Ahmad Badawi, ayahnya telah belajar kepada 42 orang guru dalam bidang agama, akademik dan politik.<sup>14</sup> Guru-gurunya itu terdiri daripada pelbagai bangsa, itu Melayu, Arab dan sebagainya. Dalam pada itu, kedua-dua Hj. Ibrahim dan anaknya Hj. Abdullah pernah menjadi anggota kepada Lembaga Masjid al-Haram (1378 – 1385). Seperti juga ayahnya, Hj. Abdullah telah menjadi guru ilmu falak, usuluddin, tafsir al-Qur'an dan al-Hadith di Masjid al-Haram.<sup>15</sup> Dalam konteks ini, mereka menjadi terkenal di kalangan para penduduk dan pengunjung Kota Suci itu.

Ketika di Tanah Suci itulah juga, beliau telah berumah-tangga dengan seorang wanita Melayu dan memperolehi dua orang anak lelaki, iaitu Ahmad Ghazali dan Ahmad atau lebih dikenali kemudiannya di Malaysia sebagai Hj. Ahmad Badawi. Walau bagaimanapun, Ahmad Ghazali telah meninggal dunia ketika masih muda di Makkah dan disusuli oleh ibunya pula. Kemudiannya, setelah kembali ke Malaya Hj. Abdullah telah berkahwin buat kali kedua dengan Hajjah Shari'ah bt. Hj. Hasan dan terus kekal dengan wanita itu hingga ke akhir hayatnya.

## **Sumbangan Hj. Abdullah Fahim dalam bidang Dakwah dan Pendidikan:**

### **Peringkat Awal:**

Sesungguhnya, dakwah dan pendidikan merupakan dua bidang kegiatan keislaman yang tidak dapat dipisahkan. Sejak dari awal lagi, Hj. Abdullah telah terlibat dalam kedua-dua bidang ini. Berikutnya, beliau telah pulang ke Malaya pada tahun 1921.<sup>16</sup> Pada mulanya, beliau mengajar di rumah pusakanya sendiri yang kini menjadi Rumah UMNO, iaitu markas UMNO, Bahagian Kepala Batas, Seberang Perai Utara.<sup>17</sup> Ketika itu, pelajarnya hanya sekitar 5 hingga 7 orang sahaja. Sistem pengajian yang diguna-pakai ialah bercorak *halaqah* atau *umumi*, yakni dengan menadah kitab dan para murid duduk dalam bentuk bulatan di samping guru yang mengajar. Inilah tradisi yang telah dilaksanakan dalam pengajian tradisional di Masjid al-Haram dan di lain-lain tempat di negara-negara Arab. Adakalanya, beliau juga mengajar di masjid berdekatan dalam corak pendidikan yang sama.

Kelas pengajian ini ditutup apabila Hj. Abdullah dijemput untuk mengajar di Pondok Tuan Hj. Wan Sulaiman b. Wan Sidik (Pak Wan Sulaiman) yang terletak di kawasan Limpong Kapal, Alor Setar, Kedah.<sup>18</sup> Oleh kerana Pak Wan Sulaiman merupakan Syaikh al-Islam (Mufti) Negeri Kedah Darul Aman ketika itu, maka sesiapa yang berkhidmat dengannya langsung menjadi masyhur. Justeru itu, Hj. Abdullah menjadi amat terkenal di kalangan masyarakat Kedah, khususnya di sekitar Alor Setar. Selain itu, tidak banyak yang diketahui mengenai aktiviti tokoh ini di Kedah kerana beliau hanya bertugas selama kira-kira 4 tahun di Alor Setar.<sup>19</sup> Menurut Mokhtar Petah, Hj. Abdullah berkhidmat di Kedah selama 7 tahun.<sup>20</sup> Dalam hal perbezaan masa itu, penulis lebih cenderung untuk menerima pandangan En. Muhd. Tahir kerana sebagai

seorang ahli keluarga tentu beliau lebih mengetahui apa yang pernah dilalui oleh datuknya sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat tiga orang muridnya yang terkenal di Kedah dan mereka pernah mencerita tentang kewibawaan guru mereka sebagai seorang alim. Mereka yang berkenaan itu ialah:<sup>21</sup>

1. Allahyarham Tuan Hj. Salleh b. Shamsuddin seorang guru di Maktab Mahmud , Alor Setar dan bapa kepada al-Marhum Tan Seri Datuk Hj. Syaikh Muhsin b. Hj. Salleh, bekas Mufti Wilayah Persekutuan.
2. Allahyarham Tuan Hj. Salleh Othman, bekas Pengarah Pendidikan Agama, Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Allahyarham Datuk Shaikh Abdul Halim Othman, bekas Pengetua Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah dan bekas Pendaftar Mahkamah Syari‘ah Kedah.

#### **Mengasas dan Mengajar di Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah:**

Pada tahun 1925, Hj. Abdullah pulang semula ke kampungnya di Kepala Batas. Beliau menetap di sana dan terus mengajar di anjung rumahnya dalam bentuk *umumi*. Setelah dua tahun, barulah kelas ini terpaksa dipindahkan kerana jumlah pelajar semakin meningkat. Sejakar dengan itu, Hj. Abdullah telah mendirikan sebuah sekolah yang dinamakan Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah. Bangunan sekolah itu kini terletak di sebelah Masjid Jami’ Badawi, Kepala Batas. Dengan terdirinya bangunan sekolah itu, sistem pengajian juga turut berubah daripada sistem *umumi* kepada sistem *nizami*, iaitu pengajian dijalankan secara berkelas dan teratur mengikut sistem sekolah bercorak moden.<sup>22</sup> Pada peringkat ini, murid-muridnya terdiri daripada para pelajar lelaki sahaja. Hanya pada tahun 1935, iaitu setahun setelah Madrasah al-Mashoor memulakan program

pengajiannya untuk pelajar wanita, barulah Dairat al-Ma'arif al-Wataniyyah menyediakan kelas yang berasingan untuk kaum wanita.<sup>23</sup>

Sementara itu, sekolah tersebut telah berkembang dengan maju antara tahun 1927 – 1931 di bawah pentadbiran Hj. Abdullah sendiri. Pada suatu ketika, bilangan muridnya mengjangkau sehingga 1, 500 orang.<sup>24</sup> Mereka datang dari seluruh pelosok tanah air. Selain itu, terdapat juga para pelajar dari beberapa daerah di Indonesia dan Patani.<sup>25</sup> Sayugialah diketahui bahawa Hj. Abdullah telah menamakan sekolah itu sebagai Dairat al-Ma'arif al-Wataniyyah kerana beliau ingin melahirkan anak watan, iaitu orang Melayu, yang terdidik dan berjaya. Oleh itu, beliau telah menumpukan tenaganya ke arah membangunkan anak Melayu supaya mereka mampu berjuang untuk memerdekakan tanah air mereka sendiri. Langkah ini diambil kerana beliau yakin bahawa dengan jiwa yang merdeka barulah orang Melayu boleh menempa kejayaan. Dalam konteks ini juga membuktikan bahawa Hj. Abdullah memiliki jiwa patriotik yang tinggi.

Biasanya, pengajian bercorak *umumi* dibuka juga kepada orang awam. Ia diadakan selepas solat Subuh dan Maghrib, manakala sistem *nizami* yang lebih tersusun bermula dari jam 8.00 pagi hingga 1.30 tengah hari.<sup>26</sup> Biasanya, Hj. Abdullah juga mengajar di masjid pada waktu malam. Selepas waktu zuhur dan asar, para guru pembantu pula yang mengajar. Pelajaran yang utama ialah Tafsir al-Qur'an yang dikendalikan oleh Hj. Abdullah sendiri dengan menggunakan kitab tafsir yang muktabar, iaitu *Tafsir al-Jalalain*, *Tafsir al-Baidhawi*, *Tafsir al-Khazain*, *Tafsir Ibn Abbas* dan *Tafsir an-Nasafi*. Hadith pula dipetik daripada kitab *Sahih Bukhari*.<sup>27</sup> Para pelajar juga mempelajari ilmu fiqah, ilmu tauhid, tasawwuf, tatabahasa Arab dan sebagainya. Mereka diwajibkan untuk menghafaz ayat-ayat al-Qur'an dan hadith supaya mahir tentang ajaran

*Maghebadri orgnate  
Fr. Bugliera*

Islam yang dapat digunakan sebagai hujah ketika belajar maupun semasa berdakwah. Di samping itu, mereka juga diwajibkan untuk menunaikan salat jemaah di masjid yang berdekatan.<sup>28</sup> Menurut pandangannya dengan bersalat jemaah kekuatan iman dan perpaduan dapat dimantapkan di kalangan para hadirin.

Meskipun daripada tahun 1947 – 1961, Hj. Abdullah menyerahkan tugas untuk mengendalikan sekolah itu kepada orang lain, namun para guru masih menganggapnya sebagai “Ketua Mudir” dan menggelarkannya sebagai *al-Ustaz al-Kabir* (Mahaguru).<sup>29</sup> Semasa pentadbirannya, Hj. Abdullah merupakan seorang guru yang tegas dan amat mengutamakan disiplin. Beliau tidak membenarkan para pelajar untuk menyertai aktiviti-aktiviti masyarakat seperti melakukan solat jenazah dan sebagainya, melainkan pada waktu petang, setelah selesai segala urusan pengajian. Berkat kegigihannya, maka lahirlah beberapa orang tokoh ulama’ dan tokoh masyarakat yang berpengaruh dalam masyarakat di Malaysia amnya: Mereka ialah:<sup>30</sup>

1. Syaikh Abdul Halim al-Hadi, bekas mudir Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah (1934 – 1946) dan pengarang kitab *Tajzib Atraf al-Hadis* dan *Ilm al-Bari*, iaitu syarah (komentar) terhadap kitab *Sahih Bukhari*.
2. Datuk Hj. Muhammad b. Hj. Hashim, bekas guru agama dan Mufti Negeri Pulau Pinang.
3. Hj. Ahmad Hasyimi, bekas Mudir Ma’ahad Islami, Tasek Junjung, Seberang Perai Utara (1931 – 1950).
4. Shaikh Ahmad Muhyiddin Sa‘id, abang kepada Hj. Abu Bakar al-Baqir, bekas mudir Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah(1931 – 1933).

*Hujah Tabzir - penulis bila membuat tulisan*

5. Hj. Abu Bakar al-Baqir, pengasas Kanz al-Ma‘arif (1925 – 1930), bekas mudir Ma’ahad al-Ihya’ al-Syarif, Gunong Semanggol dan pengerusi Hizb al-Muslimin (parti Islam yang pertama di Malaya).
6. Hj. Mohd. Salleh Shafie, bekas Guru Kanan Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah, pengasas Nahdhah Ilmiyyah (1939) dan Pengetua Sekolah Menengah Agama Dairat al-Ma‘arif yang baru ditubuh pada tahun 1989 (gabungan pendidikan agama dan akademik) serta penerima anugerah Tokoh Ma‘al Hijrah, negeri Pulau Pinang bagi tahun 1989.
7. Ustaz Zakaria Awang, bekas guru dan setiausaha badan pentadbir di Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah.
8. Ustaz Yusuf Hilmi, bekas guru di Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah, Pengerusi Bank Pusat Kerjasama, Pulau Pinang dan Seberang Perai dan bekas ahli Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang.
9. Ustaz Mulkan Amir Hamzah, bekas guru di Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah dan bekas ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).
10. Datuk Hj. Ahmad Badawi, anaknya sendiri dan tokoh agama serta politik (UMNO) yang terkenal.

Bagi membiayai perjalanan sekolahnya, Hj. Abdullah banyak bergantung kepada pendapatan yang diperolehi daripada tanah wakaf yang berupa 20 ekar kebun getah di Merbok, Kedah dan beberapa ekar tanah sawah di Titi Serong.<sup>31</sup> Selain itu, dia juga menerima sumbangan daripada orang ramai dari masa ke masa. Dalam hal makan dan minum, pada mulanya para pelajar hanya dibekalkan keperluan mereka sehari-hari melalui seorang tukang masak secara berkontrak. Tetapi, selepas tiga tahun mereka dibenarkan

untuk menguruskan makanan dan minuman mereka sendiri. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang miskin, mereka tetap dibantu agar dapat meneruskan pengajian mereka dengan lebih selesa.<sup>32</sup> Dalam hal ini, kita dapat bahawa Hj.Abdullah sekali lagi menunjukkan sikapnya sebagai seorang ulama' yang bertanggungjawab dan bersifat patriotik. Beliau tidak mengirakan keuntungan wang dalam mengendalikan sekolahnya itu. Sebaliknya, dia terus berkorban dengan wangnya sendiri kerana beliau lebih ingin melihat anak bangsanya menjadi terdidik dalam hal agama serta berjaya bagi membolehkan mereka untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air kelak.

### **Memimpin Madrasah Idrisiyyah di Kula Kangsar:**

Pada tahun 1931, Hj. Abdullah telah dijemput oleh baginda Sultan Idris I untuk mengajar dan menjadi mudir di Madrasah Idrisiyyah, Bukit Candan, Kuala Kangsar, Perak. Sebenarnya, beliau di jemput ke sana bagi menggantikan Syaikh Abdullah al-Maghribi, seorang alim berketurunan Arab dan tokoh islah yang berani, yang kembali semula ke Pulau Pinang setelah beliau diusir keluar dari Perak kerana mengembangkan idea-idea islahnya.<sup>33</sup> Buat seketika, Hj.Abdullah dibantu oleh beberapa orang muridnya yang terkemuka, iaitu Ustaz Abdul Halim al-Hadi dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Selepas Madrasah Idrisiyyah berjaya mengeluarkan guru-gurunya sendiri barulah Ustaz Abdul Halim kembali ke Kepala Batas- dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir balik ke Gunong Semanggol bagi mengasaskan Ma'ahad al-Ihya' al-Syarif.<sup>34</sup>

Hj. Abdullah berkhidmat di Madrasah Idrisiyyah selama lebih kurang 16 tahun, iaitu daripada 1931 sehingga 1947. Melalui usahanya yang gigih itu, maka lahirlah para tokoh agama, pendidik dan pentadbir yang berkaliber. Antara mereka ialah:

1. Tuan Hj. Asa'aya (bekas Mufti Perak).
2. Tuan Hj. Abdul Kahar (bekas Kadhi Teluk Intan, Perak).
3. Tuan Hj. Hasan (mudir Sekolah Agama Titi Serong).
4. Datuk Hj. Abu Hasan al-Asy'ari (bekas Mufti Perak dan mudir ke-5 bagi Madrasah Idrisiyyah).
5. Ustaz Hj. Mohd. Salleh Shafie (bekas Guru Besar Sekolah Agama PGAS di Seberang Perai dan Guru Besar Dairat al-Ma'arif al-Wataniyyah).
6. Orang Kaya Imam Paduka Tuan Datuk Hj. Malik b. Hj. Nordin (bekas Mufti Perak).

Selain itu, terdapat juga beberapa orang anak murid Hj. Abdullah yang berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke Makkah dan Mesir. Antara mereka ialah:<sup>35</sup>

1. Datuk Hj. Ghazali Abdullah (bekas Imam Masjid Negara dan juga bekas Mufti Perak dan berikutnya Mufti Selangor).
2. Shaikh Hj. Ghazali b. Abdul Wahid, pengelola Sekolah Menengah Agama dan Pusat Matrikulasi Sains, Perak.
3. Haji Ishak Ibrahim, Pegawai Perhubungan Agama, Jabatan Pendidikan, Perak.

Walau bagaimanapun, Hj. Abdullah terpaksa keluar meninggalkan negeri Perak dalam masa 24 atau 36 jam atas arahan Sultan Alang Iskandar kerana beliau dan Syaikh Tahir Jalaluddin, seorang pemimpin ulama' yang beraliran islah (reformis) telah difitnah oleh Residen Inggeris ketika itu. Menurut surat fitnah yang disampaikan kepada sultan, dua orang ulama' itu dituduh sebagai orang-orang yang memusuhi kerajaan Inggeris dan sedang menjalankan rancangan untuk menggulingkan Sultan Alang Iskandar dan raja-raja

Melayu yang lain.<sup>36</sup> Tanpa usul periksa, sultan berkenaan yang sebelum ini amat menghormati dan mempercayai kedua-dua tokoh ulama' itu telah mengusirkan mereka tanpa memberi mereka sebarang peluang untuk membelakan diri. Walaupun baginda kemudiannya berasa kesal di atas tindakannya, apatah lagi dikatakan bahawa ketika Hj. Abdullah dan rombongannya keluar meninggalkan Bukit Candan, seluruh kawasan itu, termasuk istana Sultan Perak sendiri telah kekeringan air.<sup>37</sup> Kejadian ini dilihat oleh sultan dan para pembesarnya sebagai suatu petanda bahawa Hj. Abdullah yang dianggap sebagai seorang keramat itu sebenarnya telah dianiayai. Sebagai penyelesaiannya, baginda telah mengirimkan Temenggong Dato' Hamaruddin dan beberapa orang pembesar yang lain untuk memohon ma'af dan memujuk Hj. Abdullah agar kembali ke Bukit Candan.<sup>38</sup> Namun, beliau menolak pelawaan itu kerana mahu terus berkhidmat di sekolahnya sendiri di Kepala Batas. Sementara itu, Syaikh Tahir pula telah pulang semula ke Muar untuk mengajar di sana.

Berdasarkan segala sumbangan yang telah diberikannya dalam aspek pendidikan dan dakwah sama ada di Kepala Batas, Kedah mahupun Perak, jelaslah bahawa Hj. Abdullah merupakan seorang alim yang berjasa lagi berwibawa. Dalam pada itu, beliau tidak banyak menulis melainkan menghasilkan sebuah buku kecil yang berjudul *Khutbah Penyedar* dan menyusun sebuah taqwim untuk solat.<sup>39</sup> Meskipun, Mokhtar Petah telah menyebutkan bahawa Hj. Abdullah telah menulis syair-syair Arab dalam majalah-majalah di Timur Tengah dan risalah-risalah serta rencana agama dalam beberapa buah majalah Melayu yang diterbitkan di Singapura dan Pulau Pinang, sehingga kini penulis belum lagi menemui bahan-bahan tulisan itu dan tiada seorang pengarang yang lain pun yang pernah menulis tentang tokoh ini merujuk kepada karya-karya tulisannya itu.<sup>40</sup>

Sementara anaknya sendiri, Dato' Hj. Ahmad Badawi menyatakan yang ayahnya itu tidak sempat mengarang kerana terlalu sibuk mengajar.

### **Usaha melatihkan Guru:**

Sesungguhnya, kejayaan sebuah institusi pendidikan bergantung antara lain kepada kecekapan dan dedikasi para gurunya. Hal ini memang tidak dapat disangkal lagi. Bagi madrasah atau pondok yang tergolong dalam sistem pendidikan tradisional, para penggeraknya telah memperkenalkan satu sistem yang agak unik bagi mengatasi masalah mencari dan melatihkan guru yang berwibawa. Sistem ini dikenali dengan panggilan “Kepala Mutala‘ah”. Dalam sistem ini, beberapa orang murid yang *senior* (kanan) dan juga cerdik telah dipilih untuk mengikuti pelajaran secara lebih intensif dan seterusnya mereka ditugaskan untuk membimbing para pelajar *junior* (peringkat awal) tanpa sebarang pembayaran.<sup>41</sup>

Melalui cara ini, maka masalah melatih guru dan memberikan pendidikan kepada para pelajar telah dapat diatasi. Demikianlah caranya yang digunakan di Dairat al-Ma‘rif al-Wataniyyah dan pondok-pondok lain di Malaysia mahupun di Indonesia pada masa yang lalu. Selain itu, guru-guru juga diperolehi dengan menjemput mereka yang terdidik dalam bidang agama, terutamanya yang pulang dari Makkah atau Mesir.

### **Pandangan Hj. Abdullah tentang Mazhab:**

Sepanjang hayatnya, Hj. Abdullah Fahim telah memegang teguh kepada ajaran Islam mengikut tafsiran Mazhab Shafi‘i. Di sekolahnya sendiri, beliau tidak membuka ruang untuk pertikaian mazhab tentang persoalan-persoalan *furu’* (cabang agama) seperti

yang pernah berlaku di kalangan Kaum Muda (ulama' reformis). Bagi memelihara perpaduan di kalangan orang Melayu, beliau menganjurkan supaya mereka tidak mengikuti ajaran-ajaran mazhab lain selain daripada Mazhab Syafi'i. Dalam hal ini, beliau ketika berkutbah pernah berkata "Basmalah", iaitu bacaan "Bismillah al-Rahman al-Rahim" adalah satu ayat yang awal daripada "al-Fatiyah" menurut *ijma'* ulama'. Dengan tidak membaca "Basmalah" itu, maka tidak sah salat seseorang itu. Jika seseorang imam itu tidak membaca "Basmalah", maka pihak ma'mum wajiblah *mufaraqah*, yakni keluar atau menarik diri daripada mengikuti imam tersebut.<sup>42</sup>

Selain itu, beliau pernah berpesan kepada orang Islam supaya membaiki perselisihan antara sesama mereka. Beliau juga berharap agar perdamaian yang dicapai itu dapat dikekalkan kerana ia adalah satu-satunya senjata yang boleh menguatkan kedudukan orang Islam dan orang Melayu.

Pandangan Hj. Abdullah mengenai perpaduan itu adalah tepat sekali. Ini kerana akibat perpecahan dan asyik bersengketa tanpa mematuhi ajaran Islam yang sebenarnya menyebabkan umat Islam terus bercakaran sesama sendiri dan tinggal sebagai golongan yang lemah serta dapat dipermainkan mahupun dijahah oleh pihak Barat.

Dalam pada itu, meskipun pandangan Hj. Abdullah dalam persoalan "Basmalah" itu adalah benar, namun kita umat Islam pada masa kini tidak boleh hanya berpegang kepada Mazhab Shafi'i semata-mata kerana Imam Shafi'i sendiri tidak menuntut kita berbuat demikian. Beliau hanya menyatakan pendapat yang diputuskan itu adalah pandangannya (menurut apa yang beliau faham daripada nas-nas al-Qur'an dan hadith) dan mungkin ada pandangan yang lain. Lagipun, masalah-masalah di dunia kini adalah lebih banyak dan mencabar dan Imam Shafi'i sendiri tidak ada lagi untuk menangani

semuanya. Sebagai suatu panduan yang sihat, kita lihat sahaja kepada ulama' besar yang juga terkenal diperingkat antarabangsa hingga kini, iaitu Syaikh Yusuf al-Qardhawi (yang bermazhab Shafi'i), Syaikh Mahmud Shaltut (bekas Syaikh al-Azhar), Syaikh Muhammad al-Ghazali (bekas pensyarah al-Azhar), Mustafa al-Siba'i (pemimpin Islam di Syria) dan Abul Hasan 'Ali Nadwi (dari India) tidak pernah terikat dengan pandangan daripada Mazhab Shafi'i sahaja. Jika ini bukan panduannya, siapa lagi yang kita hendak cari sedangkan umat Islam di peringkat antarabangsa seringkali merujuk kepada pandangan-pandangan para tokoh ini. Ringkasnya, terdapat isu-isu baru yang memerlukan ijтиhad dalam pelbagai bidang yang hanya dapat ditangani oleh golongan ulama yang kontemporari.

### **Sumbangan Hj. Abdullah Dalam Bidang Politik:**

Umumnya, masyarakat Melayu tempatan lebih mengenali Hj. Abdullah sebagai seorang alim, pendidik dan pendakwah, tetapi beliau turut juga memberi sumbangan dalam bidang politik tanah air walaupun untuk masa yang singkat. Secara khususnya, beliau terlibat dalam memperjuangkan kemerdekaan Malaya.

Sebagai seorang alim yang bergaul dengan masyarakat, beliau memang peka terhadap permasalahan umat Melayu. Bagi beliau umat Melayu mestilah dididik dengan pengetahuan Islam yang betul dan dibaiki nasib mereka dari aspek sosio-ekonomi. Sehubungan dengan itu, beliau melihat bahawa kemerdekaan jiwa adalah amat penting dan hal ini hanya dapat dicapai apabila umat Melayu merdeka daripada penjajahan Inggeris.

Sesungguhnya, perasaan beliau itu bukanlah sesuatu yang luar biasa atau terasing. Sebenarnya, golongan ulama' dan mereka yang berpendidikan agamalah yang terawal sekali menyuarakan hasrat untuk merdeka.<sup>43</sup> Dalam hal ini, Islamlah yang menyedarkan mereka bahawa sebagai orang Islam mereka mestilah merdeka agar Islam dapat dilaksanakan di Malaya. Pada 1940an, semangat kebangsaan Melayu semakin bersemarak. Sebaik sahaja tamat Perang Dunia Kedua, perasaan anti-British dan inginkan kemerdekaan tidak dapat dibendungkan lagi. Di daerah Seberang Perai yang terkenal dengan pengajian pondok, perjuangan ke arah kemerdekaan itu didokongi oleh golongan yang berpendidikan agama.<sup>44</sup>

Apabila Persatuan Melayu Seberang Perai (PMSP) dihidupkan semula pada bulan Mac, 1946, Hj. Abdullah telah dipilih bagi mempengerusikan Bahagian Agama.<sup>45</sup> Dalam konteks inilah, beliau telah terlibat dalam gerakan anti-Malayan Union dan seterusnya menyertai UMNO yang dipimpin oleh Yang Berhormat Dato' Onn Ja'afar.

Setelah PMSP itu dihidupkan semula, ia langsung menyertai Kongres Melayu yang diadakan di Kuala Lumpur pada Mac, 1946 dengan tujuan untuk menggabungkan semua tenaga umat Melayu bagi menentang gagasan Malayan Union yang ditajakan oleh Inggeris. Hasil kongres ini akhirnya UMNO telah ditubuhkan. Berikutnya, Hj. Abdullah telah mendaftarkan dirinya sebagai ahli pertama UMNO di Seberang Perai, iaitu di tangan Dato' Onn sendiri.<sup>46</sup> Walau bagaimanapun, mungkin kerana usianya yang lanjut dan minatnya juga telah sebatی dengan alam pendidikan serta amalan tasawwuf, maka beliau tidak bergerak aktif dalam politik kepartian. Sebaliknya, anak beliau sendiri, yakni Hj. Ahmad Badawi, telah memainkan peranan yang aktif dalam politik UMNO, selain menjadi pengajar tetap di Dairat al-Ma'arif al-Wataniyyah.

Sementara itu, Hj. Abdullah memang memiliki semangat kemelayuan yang menebal dan amat sensitif sekiranya bangsa Melayu dihina atau diperolok-olokkan. Lantaran itu, beliau pernah meninggalkan suatu majlis apabila orang Melayu dihina.<sup>47</sup>

Dalam pertimbangannya, perpaduan di kalangan orang Melayu tidak hanya perlu dipupuk bagi mencapai kemerdekaan di Malaya sahaja, tetapi ia hendaklah dipanjangkan bagi mencapai kemerdekaan dan perpaduan antara Malaya dengan Indonesia. Hal ini memang jelas terakam dalam kata-katanya, “Hidup Melayu dan Malaya, Merdeka Indonesia dan Malaya sebagai saudara kembar”.<sup>48</sup> Namun, impiannya itu tidak pernah berhasil kerana hingga kini Indonesia dan Malaysia masih tetap sebagai dua buah negara yang berasingan.

Sayugialah juga diketahui bahawa Hj. Abdullah adalah tokoh yang menentukan tarikh kemerdekaan , iaitu 31 Ogos, 1957, bagi Malaya.<sup>49</sup> Menurut ramalannya, tarikh itu adalah sesuai untuk diisyiharkan kemerdekaan. Walau bagaimanapun, penglibatannya dalam politik kepartian tidaklah lama. Menjelang Pilihan Raya Umum tahun 1955, beliau langsung meninggalkan dunia politik.

#### **Peranan Hj. Abdullah Fahim sebagai seorang Mufti:**

Dalam pada itu, Hj. Abdullah telah dilantik bagi memegang jawatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada usia yang amat tua. Ini kerana Pulau Pinang amat memerlukan seorang Mufti bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan Perundungan Islam. Beliau sempat memegang jawatan itu selama lebih kurang 5 tahun.<sup>50</sup> Setelah berkhidmat dengan begitu cemerlang untuk agama dan bangsa berdasarkan

tuntutan Islam semata-mata, Hj. Abdullah telah kembali ke rahmatullah di rumahnya pada jam 8.00 malam, 28 April (Khamis), 1961.<sup>51</sup>

Setelah Hj. Abdullah meninggal dunia, anaknya, Datuk Hj. Ahmad Badawi telah mengambil alih tugas sebagai mudir di Dairat al-Ma ‘arif al-Wataniyyah. Kini, sekolah tersebut yang telah dibaik pulih masih lagi beroperasi bagi mengeluarkan para pelajar agama. Tetapi, seperti sekolah agama rakyat yang lain, peranannya tidaklah begitu menyerlah jika dibandingkan dengan zaman sebelum Malaya merdeka. Walau bagaimanapun, kini ia hanya berfungsi sebagai sebuah sekolah rendah untuk pengajian al-Qur'an dan fardu ‘ain.<sup>52</sup> Sebaliknya, tugas melaksanakan pengajian agama peringkat menengah telah diambil alih oleh sebuah sekolah baru, yakni Sekolah Menengah Agama Dairat al-Ma ‘arif, yang diasaskan oleh Hj. Mohd. Salleh Shafi'i, bekas anak murid Hj. Abdullah sendiri.<sup>53</sup>

#### Rumusan:

Daripada perbincangan yang telah diadakan itu, ternyata bahawa Hj. Abdullah Fahim merupakan seorang tokoh yang alim lagi berwibawa serta berdedikasi. Beliau bukan sahaja mendirikan sebuah institusi pendidikan Islam, iaitu Dairat al-Ma ‘arif al-Wataniyyah, malah telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh ulama', pendidik, pentadbir dan juga ahli politik yang berwibawa daripada kalangan para muridnya.

Selain itu, melalui kegiatan pendidikan beliau telah berjaya mendekati masyarakat dan menyemarakkan minat terhadap ilmu-ilmu keislaman serta semangat perjuangan ke arah kemerdekaan Malaya. Melalui kegiatannya juga, maka daerah Kepala Batas telah

menjadi terkenal dalam bidang keagamaan dan terus menjadi salah sebuah kubu yang kuat bagi UMNO di Pulau Pinang hingga kini.

Namun, peranan beliau dalam politik kepartian, khususnya UMNO, tidaklah begitu menonjol, selain daripada menetapkan tarikh kemerdekaan bagi Malaya dan sebelum itu menentang gagasan Malayan Union. Selain itu, penglibatannya dalam dunia politik juga agak singkat dan lebih merupakan pembukaan jalan terhadap penglibatan anaknya Datuk Hj. Ahmad Badawi dan seterusnya cucunya sendiri, Yang Berhormat Datuk Seri Abdullah b. Hj. Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia kini. Walau bagaimanapun, Hj. Abdullah tetap berkhidmat kepada Islam dan masyarakat hingga ke akhir hayatnya.

Dari segi peribadi pula, Hj. Abdullah memanglah seorang alim yang wara' dan amat mementingkan kebahagiaan keluarganya. Di samping itu, beliau telah memupukkan disiplin yang tinggi bagi dirinya dan kaum keluarganya sendiri dengan mengamalkan Tariqat Naqshabandi yang diwarisinya daripada ayahnya Hj. Ibrahim.<sup>54</sup> Justeru itu, beliau menjalankan hidupnya secara sederhana dan lebih menumpukan perhatiannya kepada hal ibadat dan amal kebajikan.

Moga-moga sumbangannya dan dedikasinya itu menjadi inspirasi kepada golongan pemimpin dan rakyat Muslim yang terkemudian amnya dan justeru itu mereka tidak leka dan hanyut atau terjebak dengan cengkaman materialisme yang semakin mencabar.

<sup>1</sup> Zulkifli Khair dan Badrol Hisham Ibrahim, "Sejarah Awal Masyarakat Islam di Pulau Pinang dan Masjid Jamik Batu Uban", dlm. Fadhlullah Jamil (suntingan), *Sejarah Islam di Pulau Pinang: Islam dan Masyarakat*, Jld. 1, Jabatan Agama Islam, Pulau Pinang, 1994, hlm. 7 – 8.

<sup>2</sup> Lihat Mahani Musa, "Buku Catatan Peribadi Sheikh Omar Basheer dengan Rujukan Terhadap Rusuhan di Pulau Pinang pada tahun 1867: Satu Dokumen Sejarah Pulau Pinang Abad ke-19", dlm. Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (suntingan), *Isu-Isu Pensejarahan*, Penerbit Universiti Sains Malaysia bagi pihak Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, 1995 dan Mahani bt. Awang @ Musa,

---

<sup>“Pentadbiran Agama Islam dan Guru-Guru Agama di Pulau Pinang Pada Pertengahan Abad ke-19”, dlm Fadhlullah Jamil (suntingan), *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan*, Jld. II, Jabatan Agama Islam, Pulau Pinang, 1996, hlm. 8 – 15.</sup>

<sup>3</sup> Mohd. Sarim Hj. Mustajab, “Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu: 1906 hingga 1948”, dlm. *Ashshahid*, Jurnal Belia Islam, vol.1, no. 2, Singapore, 1985, hlm. 134.

<sup>4</sup> Mengenai Syaikh Muhammad ‘Abduh dan Sayyid Muhammad Rasyid Rida sila lihat Albert Hourani, *Arabic Thought in the Liberal Age: 1798 - 1939*, Oxford University Press, London, 1970, hlm. Bab. VI, hlm. 130 – 160 dan Bab IX, hlm. 222 – 244.

<sup>5</sup> Lihat Moktar Petah, *Sheikh Abdullah Fahim: Penentu Tarikh Kemerdekaan Negara 31 Ogos, '57*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 23 – 35 dan 37 – 46.

<sup>6</sup> Tajudin Saman, *Tokoh-Tokoh Ulama Nusantara*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1993.

<sup>7</sup> Ust. Shuib b. Mohd., Amin, “Tuan Haji Abdullah Fahim – Latarbelakang Kehidupan, Pendidikan dan Sumbangan kepada Dakwah dan Kesedaran Ummah”, Seminar Tokoh Ulama’ Ke 2, sempena Sambutan 20 tahun ABIM, anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Sekretariat Siswazah Islam Zon Utara (SSIZU) dengan kerjasama Majlis Agama Islam, Pulau Pinang, 2 – 3 Mac, 1991, hlm. 1.

<sup>8</sup> Mokhtar Petah, *Op. Cit.*, hlm. 47.

<sup>9</sup> Ust. Shuib, *Op. Cit.*, hlm. 1.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai masyarakat Jawah (Jawi) sila lihat C. Snouck Hurgronje, *Mekka in the Latter Part of the 19<sup>th</sup> Century*, (reprint), Leiden, E. J. Brill, 1970, Part IV, hlm. 215 – 292.

<sup>13</sup> Ismail Awang, “Hj. Abdullah Pak Him”, *Pengasuh*, (dalam tulisan Jawi), Bil. 428, Dis., 1977, hlm. 26.

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> Mokhtar Petah, *Op. Cit.*, hlm. 48 – 49.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 49 dan Ismail Awang, *Op. Cit.*, hlm. 27.

<sup>17</sup> Maklumat diperolehi daripada Encik Mohd. Tahir b. Hj. Ahmad Badawi, iaitu cucu kepada Hj. Abdullah Fahim pada 1/10/ 93. Lihat Dr. Fadhlullah Jamil, “Tuan Haji Abdullah Fahim: Riwayat Hidup dan Sumbangan Terhadap Masyarakat”, dlm. Fadhlullah Jamil (penyunting), *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan*, Jld. II, Jabatan Agama Islam, Pulau Pinang, 1996, hlm. 81.

<sup>18</sup> Bekas tapak pondok ini terletak tidak berapa jauh dengan bangunan panggung wayang Cathay yang terdapat di Alor Setar pada masa kini.

<sup>19</sup> Encik Mohd. Tahir b. Hj. Ahmad Badawi, *Op. Cit.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 81 – 82.

<sup>22</sup> Wawancara dengan Datuk Hj. Muhammad b. Hj. Hashim, Mufti kerajaan Pulau Pinang. Lihat Ust. Shuib, *Op. Cit.*, hlm. 3.

<sup>23</sup> Dr. Fadhlullah Jamil, *Op. Cit.*, hlm. 82.

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Keterangan Allahyarham Ustaz Hj. Mohd. Salleh b. Shafie, bekas guru kanan Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah pada 21/8/93.

<sup>26</sup> Lihat Fadhlullah Jamil, “Dairat al-Ma‘arif al-Wataniyyah” dlm. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Dewan Bahasa dan pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 573 – 574.

<sup>27</sup> *Ibid.*, hlm. 573.

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Ust. Shuib, *Op. Cit.*, hlm. 4.

<sup>30</sup> *Ibid.*, hlm. 4 – 5.

<sup>31</sup> Fadhlullah Jamil, *Op. Cit.*, hlm. 84.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai Syaikh Abdulllah al-Maghribi sila lihat Mohd. Sarim Hj. Mustajab, “Islam dan Perkembangannya dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu: 1900 – 1940an”, Tesis Sarjana Sastera (M.A.), Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 54 – 61.

<sup>34</sup> Wawancara dengan Ustaz Mohd. Salleh Shafie pada 21/8/93.

<sup>35</sup> Ust. Shuib, *Op. Cit.*, hlm. 6.

---

<sup>36</sup> Mokhtar Petah, *Op. Cit.*, hlm. 59.

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> *Ibid.*, hlm. 59 – 60.

<sup>39</sup> Penulis sendiri telah sempat melihat buku khutbah yang berkenaan yang kini berada dalam simpanan cucunya, Encik Tahir.

<sup>40</sup> Mokhtar Petah, *Op. Cit.*, hlm. 50 – 51.

<sup>41</sup> Ust. Shuib, *Op. Cit.*, hlm. 11.

<sup>42</sup> *Ibid.*, hlm. 14.

<sup>43</sup> Lihat Nabir b. Abdullah, *Ma'ahad al-Ihya' al-Syarif Gunong Semanggol*, tesis Sarjana Muda (B.A.), Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.

<sup>44</sup> Lihat Muhd. Tahir b. Hj. Ahmad, "Sejarah Perkembangan dan Perjuangan UMNO Seberang Perai di antara tahun 1946 – 1964: Dengan Tumpuan Khas kepada UMNO Seberang Perai Utara", Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978/79, hlm. 18.

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> Ismail Awang, *Op. Cit.*, hlm. 26 – 27.

<sup>47</sup> Ust. Shuib, *Op. Cit.*, hlm. 12.

<sup>48</sup> *Op Cit.*, hlm. 26.

<sup>49</sup> *Ibid.*, hlm. 27 dan Mokhtar Petah, *Op. Cit.*, hlm. 4.

<sup>50</sup> Mokhtar Petah, *Ibid.*, hlm. 69.

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> Fadhlullah Jamil, *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, hlm. 574.

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> Keterangan Encik Muhd. Tahir b. Hj. Ahmad pada 21/10/93.